

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

AMU402 - PENGURUSAN BARANGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB. Pilih dan jawab TIGA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A (WAJIB)

Soalan 1

Adakah anda seorang SOV!

Rakyat Malaysia mula bimbang tentang kesesakan lalulintas. Perdana Menteri menyelar sikap angkuh para pemandu Malaysia. Umpamanya pemandu di Kuala Lumpur pada amnya tidak mengendahkan undang-undang lalulintas. Keadaan amat ketara sekali apabila tiada pengawasan dari Polis Trafik. Rakyat Malaysia sepatutnya merasa malu kerana mereka terkenal dengan sikap lemah lembut dan prihatin terhadap undang-undang dan isu-isu sosial. Memandangkan jumlah kereta yang bertambah sebanyak 3 juta, lebih banyak dari apa yang dianggarkan, keadaan kesesakan ini akan menjadi bertambah buruk pada masa akan datang.

Jumlah kereta telah meningkat dengan mendadak semenjak 1991, terutama sekali selepas pelancaran kereta nasional - Proton Saga dan kereta kedua negara Perodua. Rakyat Malaysia telah melangkah masuk era gaya hidup mewah, dan pada masa ini setiap daripada tiga keluarga memiliki satu kereta. Situasi ini menimbulkan masalah kesesakan lalulintas dan memeningkan pihak polis. Masalah kedua ialah pencemaran udara, dan kumpulan pencinta alam telah mendesak pengurangan jumlah kereta supaya tahap pencemaran dapat dikawal.

...2/-

Untuk membendung masalah ini, kerajaan telah melancarkan kempen anti SOV ... iaitu kempen anti kereta yang dipandu bersendirian tanpa penumpang. Singapura telah pun menghadkan kenderaan SOV daripada melalui jalan-jalan tertentu pada masa tertentu dan juga menyekat pembelian kereta baru dengan mengenakan cukai yang tinggi.

Pada masa yang sama pengeluar kereta telah cuba mengurangkan pencemaran dengan menghasilkan kereta model baru yang tidak mencemarkan persekitaran. Industri elektronik juga telah mengambil langkah tertentu agar kereta yang sedia ada boleh disesuaikan dengan konsep kereta tahun 2000.

Teknologi telah memperkenalkan alat elektronik yang canggih dalam model-model kereta yang dihasilkan kebelakangan ini. Kereta-kereta tradisional hanya mempunyai dua komponen elektronik - "papan petunjuk" dan "penghidup injin". Idea untuk membangunkan satu sistem pandu arah yang tidak hanya memberitahu anda arah perjalanan tetapi juga bagaimana ke sana sedang diuji sebagai alat tambahan baru kepada kereta. Konsep ini telah dibangunkan di makmal En. Makoto Iwasaki, jurutera elektronik yang telah mencipta sebuah komputer bersaiz kecil yang boleh dipasang ke dalam kereta untuk membantu pemandu membaca isyarat trafik, memberitahu jenis kenderaan yang datang dari arah hadapan jalan, jenis kenderaan dan kelajuan kereta yang berada di belakang dan juga membantu menyelaraskan kelajuan semasa membelok dan memintas. Alat ini juga telah mula diuji oleh syarikat-syarikat gergasi barangan elektronik Jepun.

Penemuan di atas dilaporkan dalam Jurnal Asian Wall Street bertarikh 14 Februari 1995. (Sila lihat Lampiran 1). Jurnal itu juga berpandangan yang konsep ini akan berkembang ke serata dunia. Komputer yang dipasang di kereta itu dijangka berharga RM5,000. Sistem itu boleh membantu pemandu mencari lokasi hotel, bar, karaoke dan pawagam-pawagam. Apabila sistem ini dipasang dalam kereta anda komputer tersebut boleh memberitahu anda bagaimana hendak pulang ke rumah, jika anda tidak ingat jalan pulang!

Pakar-pakar berpendapat teksi dan limosin boleh mendapat banyak manfaat daripada alat tersebut. Masalah utama sekarang ialah peraturan trafik yang tidak membenarkan pemasangan alat pengesan kamera kelajuan trafik yang digunakan oleh pihak polis dalam kenderaan persendirian.

Satu rencana dalam majalah Fortune bertarikh 20 Februari 1995 turut juga membincangkan alat ini (Sila lihat Lampiran 1). Dalam laporan yang bertajuk "Kereta yang menyelesaikan masalah trafik", rencana itu melaporkan sistem pandu arah ini sangat berguna untuk mengurangkan kesesakan kerana pemandu akan diberi amaran berkenaan dengan keadaan trafik. Sistem ini berkemungkinan dapat menyelesaikan masalah kesesakan dan beban kerja polis. Rencana itu juga berpendapat memandu kereta akan sama seperti mengendalikan kapal terbang di mana bantuan alat elektronik digunakan sepenuhnya, perbezaannya hanya ini dilakukan di atas bumi.

- 3 -

Ray Krammes daripada institut Pengangkutan Texas berpendapat "Kunci untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan keselamatan ialah dengan mempunyai sistem maklumat keadaan jalanraya yang baik..." Dengan cara ini, kotak kecil ini dapat membantu tindakbalas pemandu kepada keadaan trafik.

Berdasarkan ide di atas, sistem pandu arah kereta merupakan satu ide produk baru yang baik untuk dibangunkan. Pemandu yang tidak berpengalaman boleh memandu dengan lebih yakin, dan perjalanan di jalanraya menjadi lebih selamat. Sistem ini juga memungkinkan SOV dibenarkan dan kalau begitu anda juga boleh menjadi SOV!

Soalan: Sebagai pelajar pemasaran, bagaimakah anda akan menganalisis ide produk baru ini dan merancang pelancarannya? Bincangkan ketujuh-tujuh langkah dalam pembangunan produk baru dengan rujukan khusus kepada kereta berkomputer dan juga kepada jangkamasa pembangunannya.

[40 markah]

Soalan 2

Terangkan dengan ringkas 3 daripada 7 konsep yang disenaraikan dibawah ini:

- i) Strategi "Product Flagship". [5 markah]
- ii) "Product Champions". [5 markah]
- iii) "Product Adoption curve". [5 markah]
- iv) "Conjoint Analysis" sebagai kaedah untuk mengkaji reaksi pengguna terhadap produk sedia ada. [5 markah]
- v) "Morphological Analysis". [5 markah]
- vi) "Adding Value" melalui kegiatan pemasaran. [5 markah]
- vii) "Unique Selling Proposition and Core Benefit Proposition". [5 markah]

...4/-

BAHAGIAN B

Jawab TIGA soalan sahaja.

Soalan 3

Nyatakah perbezaan aliran pemikiran dalam strategi produk? Terangkan definisi, objektif dan syarat-syaratnya; serta keputusan bagaimanakah yang boleh dijangka daripada setiap strategi di atas?

[15 markah]

Soalan 4

Apakah perbezaan di antara dua pendekatan ini: perancangan untuk produk yang sedia ada dan untuk produk baru? Pendekatan bagaimanakah yang boleh digunakan? (Gunakan gambarajah skematik untuk menerangkan hujah anda).

[15 markah]

Soalan 5

Risiko memperkenalkan produk baru seringkali lebih tinggi berbanding dengan memperbaiki atau mengubahsuaikan produk yang sedia ada. Adakah anda bersetuju atau tidak dengan pernyataan ini? Dengan menggunakan contoh barangan yang terdapat di dalam pasaran Malaysia, beri pendapat anda.

[15 markah]

Soalan 6

Apakah yang dimaksudkan dengan "percambahan idea" dan "penapisan idea"? Bincangkan setiap elemen di dalam kedua-dua proses tersebut yang mana merupakan sebahagian daripada proses pembangunan produk baru.


[15 markah]

Soalan 7

Terangkan proses penyelidikan pengguna tentang atribut produk. Adakah prosesnya berbeza di antara produk baru dengan produk sedia ada? Sekumpulan penyelidik berpendapat bahawa tumpuan penyelidikan untuk produk sedia ada ialah mengukur tahap kepuasan; sementara untuk produk baru pula ialah membentuk manfaat asas. Berpandukan pandangan ini, bincangkan proses penyelidikan pengguna.

[15 markah]

...5/-



TECHNOLOGY

ELECTRONIC MAPS

Drivers can identify their location and plan a route with this Motorola navigation system that uses satellites and a computer.




duty pickup trucks that rescue motorists free of charge. About 43 vehicles are removed from traffic lanes each month, providing an estimated annual benefit in reduced congestion of \$250,000 per route.

In Los Angeles, where peak-hour traffic crawls at 33 miles per hour, there had been serious talk about double-decking freeways. California is intensifying its highway instrumentation efforts. In about six months, it will open the "Smart Corridor," a 14.5-mile stretch of the Santa Monica Freeway and five connecting roads. For brains the corridor has expert-system software that springs into action when congestion is de-


SEEING IN BLIND SPOTS

Sensors mounted in taillights detect obstacles. When an overtaking car (first frame) disappears into the blind spot (second frame), red lights signal the hazard. Once the car pulls ahead (third frame), the lights go off.

Even something as simple as using communications to speed the clearing of accidents can reduce congestion. From a traffic center in Minneapolis, operators watch over 142 closed-circuit TV cameras that cover about 60% of the area's highways and, among other things, dispatch six heavy-



THE ASIAN WALL STREET JOURNAL



A car-navigation system and its remote control.

JAPANESE MAKERS OF CAR-NAVIGATION

systems are getting an early edge on what could grow into a huge market world-wide. That could provide a boost for Japan's consumer-electronics giants, desperate for new hits after missing the personal-computer boom.

Uncharted Territory

Car-Navigation Systems Set
A Course for U.S. Market

